

11/07/2002

`Pas tetap guna isu peletakan jawatan PM'

PENDANG, Rabu - Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak berkata Pas akan tetap menggunakan peletakan jawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai isu sama ada ia berkuat kuasa selepas Oktober 2003 atau serta-merta.

Beliau berkata, Pas yang mendakwa peletakan jawatan itu sebagai sandiwara tetap melemparkan tuduhan Dr Mahathir pemimpin tidak bertanggungjawab jika melepaskan jawatannya serta-merta.

"Kalau Perdana Menteri berhenti serta-merta, itu pun Pas jadikan isu. Pas akan tuduh Dr Mahathir tidak bertanggungjawab.

"Soal pengganti Perdana Menteri diputuskan dengan baik dan tersusun. Beliau menamakan penggantinya dengan jelas, iaitu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Semua sudah memberikan sokongan penuh kepada skim peralihan ini. Apa lagi yang hendak dipertikaikan?

"Tak ada apa lagi yang Pas patut pertikaikan," katanya ketika ditemui selepas penamaan calon pilihan raya kecil Parlimen Pendang, di Dewan Al-Marbawi, Sekolah Menengah Kebangsaan Pendang, di sini hari ini.

Sementara itu, Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishamuddin Hussein berkata, Pemuda Umno tidak kecewa berikutan tiada pemimpin Pemuda Umno Kedah dipilih pada pilihan raya kecil itu.

"Saya tidak kecewa dengan keputusan pemimpin Umno negeri meletakkan dua bekas Ahli Parlimen sebagai calon. Pemuda akur keputusan ini.

"Saya sudah menghubungi Ketua Pemuda bahagian Kuala Kedah, Abdul Mutalib Haron dan beliau tak rasa apa-apa. Yang penting ialah calon BN.

"Pemuda pastikan semua jentera Pemuda Umno bekerja untuk memastikan kemenangan," katanya.